

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 DECEMBER 2016

Kerajaan berhak batal undangan Dr. Mahathir

UM-9/12/2016

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Kerajaan yang memerintah mempunyai hak untuk membatalkan undangan sesiapa sahaja bagi menghadiri majlis rasmi negara seperti Istiadat Lafaz Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 13 Disember ini.

Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya, Majlis Profesor Negara, **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** berkata, pembatalan undangan terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi meng-

hadiri istiadat tersebut tidak salah dari segi perundangan walaupun beliau seorang negarawan yang telah banyak berjasa kepada negara.

Menurut beliau, tindakan sedemikian merupakan ketegasan kerajaan berikutan sikap yang dipamerkan oleh bekas Perdana Menteri itu kebelakangan ini boleh mengundang ketidakstabilan ke-

pada keharmonian negara.

“Kerajaan berhak tentukan siapa hadir atau tidak dan menarik kembali keistimewaan yang dimiliki oleh individu seperti Dr. Mahathir, memang tidak salah dari segi perundangan.

“Sebelum ini pun keistimewaan yang dimiliki oleh Dr. Mahathir seperti perkhidmatan polis pengiring turut ditarik, namun beliau tidak pernah mengadu atau merungut tentang perkara itu,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, beberapa portal berita melaporkan Dr. Mahathir tidak dijemput untuk menghadiri Istiadat Lafaz Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 13 Disember ini.

Perkara itu dimaklumkan melalui sepucuk surat bertarikh 5 Disember daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dan melalui

surat itu difahamkan bekas Perdana Menteri itu diberitahu bahawa jemputan kepadanya untuk ke istiadat berkenaan dibatalkan.

Mahathir di dalam blognya mengesahkan beliau menerima undangan untuk hadir pada majlis itu pada 10 November lalu dan menyatakan akan hadir sebelum menerima surat terbaharu yang menyatakan pembatalan jemputan.

Menyentuh mengenai pembatalan undangan itu, Mahathir berkata: “Rupa-rupanya acara negara adalah sebahagian dari politik parti.

“Saya minta maaf kerana membuat anggapan yang salah. Saya akan ambil ingatan bahawa Istana Negara adalah milik (Datuk Seri) Najib (Tun Razak) dan Parti Barisan Nasional.”

Presiden Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC), **Mohd. Syahbuddin Hashim** pula membidas sikap Dr. Mahathir kerana sanggup bersekongkol bersama seteru utamanya iaitu DAP semata-mata mahu menjatuhkan Perdana Menteri.



TEO KOK SEONG